

Telefon : 088-257111
Faks : 088-212655
E-mail : bn.jbn@sabah.gov.my



JABATAN BENDAHARI NEGERI
Wisma Kewangan
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

RUJ: JBN No. (A)NO:400-1/1790/JLD.II/(265)

06 November, 2002

Sila Lihat Agihan (LAMPIRAN A)

Datuk/Tuan/Puan,

**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 14 TAHUN 2002
KUASA MELULUSKAN BAUCAR DI PERINGKAT JABATAN**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan semua Akauntan-Akauntan Kanan atau Ketua Akauntan di semua Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS) termasuk Jabatan/Kementerian di mana Bahagian/Seksyen Akaun diketuai oleh seorang Akauntan Kanan bertaraf Gred W02 (atau setaraf dengannya) bertanggungjawab ke atas kelulusan semua baucar-baucar bayaran tanpa merujuk kepada Jabatan Bendahari Negeri Sabah (JBNS) untuk disemak semula.

2. LATARBELAKANG

Keputusan ini dibuat untuk mengurangkan beberapa peringkat prosesan penyemakan ke tahap berpatutan tanpa mengabaikan kualiti kerja bersesuaian dengan adanya **Garispanduan Senarai Semak Baucar Bayaran** yang diedarkan pada tahun 2001 serta penyelenggaraan yang rapi daripada Akauntan Kanan yang bertanggungjawab. Ini juga akan meringankan bebanan kerja dan mempercepatkan prosesan cek-cek di Jabatan Bendahari Negeri Sabah untuk diserahkan kepada para pelanggan.

3. KUASA

Bagi maksud ini Arahan Perbendaharaan (A.P.) 138 (a), A.P. 139 dan A.P. 140 (a) adalah dirujuk.

4. KUASA MELULUSKAN BAUCAR BAYARAN

Akauntan Kanan di JMS adalah dengan ini bertanggungjawab untuk meluluskan selain daripada baucar-baucar bayaran berjumlah di bawah RM50,000.00 sebelum ini ditambah kepada RM50,000.00 ke atas. Ini bermaksud apa jua amaun baucar-baucar bayaran hendaklah disemak dan diluluskan oleh JMS sendiri tanpa had.

MUKASURAT 2

RUJUKAN : JBNS(A)NO:400-1/1790/JLD.III/(265)

BERTARIKH : 06 NOVEMBER, 2002

Begitu juga dengan Jabatan Air dikehendaki untuk menyemak dan meluluskan semua baucar-baucar bayaran sepertimana dilakukan di JMS lain.

5. PROSES PENCETAKAN CEK-CEK

Baucar-baucar bayaran yang telah diluluskan seperti dalam Para 4 di atas hendaklah dihantar ke Kaunter Utama, Jabatan Bendahari Negeri Sabah bersama-sama dengan disket mengandungi butir-butir baucar dalam sistem SISVOT. Seksyen Penerimaan dan Pembayaran, JBNS akan memproses baucar-baucar bayaran ini bagi pencetakan cek tanpa mengemukakan kepada Seksyen Penyemakan Baucar, JBNS.

6. ACARA SEMAKAN DAN KELULUSAN DI PERINGKAT JABATAN

Para Akauntan Kanan hendaklah mewujudkan sistem dan prosedur (sekiranya belum diwujudkan) bagi memastikan setiap peringkat terdapat prosedur semakan yang mantap dan prosedur meluluskan oleh pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan sebelum diserahkan kepada JBNS untuk proses pencetakan cek. Ini bermaksud baucar bayaran yang diterima oleh Kaunter Utama, JBNS perlu menunjukkan ruang-ruang dalam baucar JBN. 38 (Pin. Kew. 270B) lengkap mengandungi 'Tandatangan' dan 'Cap' bagi ruang 'Disemak Oleh' dan 'Diluluskan Oleh' .

7. PERWAKILAN KUASA

Terpulang kepada Ketua Jabatan sebagai Pegawai Pengawal untuk mewakili kuasanya bagi memperakui baucar seperti terkandung dalam **A.P. 101 dan A.P. 102**. Walau bagaimanapun, setiap peringkat tugas hendaklah jelas dan terdapat pembahagian tugas yang tidak bertindeh (segregation of duties) bagi maksud kawalan dalaman.

8. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai Tahun Kewangan 2003.

MUKASURAT 3
RUJUKAN : JBNS(A)NO:400-1/1790/JLD.III(265)
BERTARIKH : 06 NOVEMBER, 2002

9. PENUTUP

Sekiranya terdapat kemusykilan mengenai Pekeliling ini, sila berhubung dengan Bahagian Penyemakan, Pembayaran dan Penerimaan melalui talian 088-257111 sambungan 3002 atau 088-252447.

Sekian, harap maklum.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH
"Profesionalisme, Mesra dan Progresif"



(DATUK PHILIP N. K. CHIU)
Bendahari Negeri

s.k. Setiausaha Tetap
Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan
Tingkat 5, Wisma Tun Fuad Stephens
88999 Kota Kinabalu
(u/p : Encik Robin Wong)

Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Beg Berkunci No. 2032
Jalan Sembulan
88582 Kota Kinabalu
(u/p : Encik Denis Mijin)

Pengarah
Jabatan Perhutanan
Ibu Pejabat, Beg Berkunci No. 68
90009 Sandakan
(u/p: Encik Rusdin Riman)

Pengarah
Jabatan Pertanian
Tingkat Bawah, 1, 2, 3 dan 4
Menara Khidmat, Jalan Belia
Beg Berkunci No. 2050
88632 Kota Kinabalu
(u/p : Cik Phak Shiu Len)

MUKASURAT 4

RUJUKAN : JBNS(A)NO:400-1/1790/JLD.III/(265)

BERTARIKH : 06 NOVEMBER, 2002

Pengarah
Jabatan Tanah dan Ukur
Ibu Pejabat, Beg Berkunci No. 2044
88576 Kota Kinabalu
(u/p : Encik John Angelo)

Pengarah
Jabatan Air
Ibu Pejabat, Blok A
Tingkat 6, Wisma MUIS
Beg Berkunci No. 210
88825 Kota Kinabalu
(u/p : Encik James Gulongan)

Pengarah Audit
Jabatan Audit Negara, Cawangan Sabah
Tingkat 7, Bangunan Persekutuan
88518 Kota Kinabalu

BB/hr
0348t
061102d
pekelling JBNS 01.doc

LAMPIRAN A

Agihan Kepada :

- 1) Setiausaha Tetap
Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan
Tingkat 5, Wisma Tun Fuad Stephens
88999 Kota Kinabalu
- 2) Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Beg Berkunci No. 2032
Jalan Sembulan
88582 Kota Kinabalu
- 3) Pengarah
Jabatan Perhutanan
Ibu Pejabat, Beg Berkunci No. 68
90009 Sandakan
- 4) Pengarah
Jabatan Pertanian
Tingkat Bawah, 1, 2, 3 dan 4
Menara Khidmat, Jalan Belia
Beg Berkunci No. 2050
88632 Kota Kinabalu
- 5) Pengarah
Jabatan Tanah dan Ukur
Ibu Pejabat, Beg Berkunci No. 2044
88576 Kota Kinabalu
- 6) Pengarah
Jabatan Air
Ibu Pejabat, Blok A
Tingkat 6, Wisma MUIS
Beg Berkunci No. 210
88825 Kota Kinabal